

Bumiputera Sarawak diseru kekalkan perpaduan

KUCHING, Khamis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru Bumiputera mengekalkan perpaduan untuk membina sebuah masyarakat yang kuat bagi menghadapi sebarang cabaran.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan walaupun Bumiputera mula berjaya sekarang tetapi mereka masih merupakan kumpulan yang lemah.

Berucap di majlis ramah tamah Hariraya anjuran penduduk-penduduk kampung Bersik dekat sini malam tadi, beliau berkata ada pihak yang tidak suka melihat perpaduan wujud di kalangan Bumiputera.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO menegaskan masanya sudah tiba bagi kaum Bumiputera mengukuhkan perpaduan supaya dalam pilihanraya akan datang sebuah kerajaan yang benar-benar berjuang untuk kepentingan rakyat dapat diwujudkan.

Bumiputera tidak perlu menubuhkan parti-parti politik yang lain kerana Sarawak sudah mencapai kemajuan pesat dan tindakan ini hanya akan memecah belahkan perpaduan di kalangan mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, tidak ada parti lain selain Barisan Nasional yang dapat membentuk sebuah kerajaan di Sarawak. Sebaliknya mengundi pembangkang dan calon-calon bebas akan merugikan pengundi itu sendiri.

Katanya, pembangkang hanya datang berjumpa rakyat ketika menghadapi pilihanraya dan akan hilang diri apabila pilihanraya selesai, kerana tujuan mereka bertanding hanya untuk kepentingan diri.

Beliau mengingatkan rakyat Sarawak supaya terus memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional kerana ia telah membuktikan kemampuannya membawa pembangunan dan mengekalkan perpaduan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, memang baik ada pembangkang, tetapi itu hanya untuk negara-negara yang sudah kaya, tetapi Malaysia masih lagi sedang membangun, kerana itu adanya pembangkang yang ramal akan membantutkan usaha pembangunan.

Menurutnya, parti-parti pembangkang menanggung di air keruh dan kalau masyarakat berpecah belah mereka tidak peduli kerana mereka hanya mementingkan diri sendiri.

Beliau menyeru rakyat Sarawak memilih calon-calon Barisan Nasional di hari pemungutan undi kelak.

Sementara itu Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh yang juga berucap, berkata tidak ada sebab yang parti Berjaya harus menyokong Pagar atau lain-lain parti pembangkang.

No. Siri

No. Penerimaan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia